SULIT
02/2
BAHASA MELAYU
OGOS
2012
2 Jam

02/2

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
NEGERI KEDAH DARUL AMAN

# PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK
# PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2012

## BAHASA MELAYU

## KERTAS 2

Dua jam

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian:* ***Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C*** *dan* ***Bahagian D****.*
2. ***Bahagian A*** *terdiri daripada dua bahagian:* ***Bahagian A(i)*** *dan* ***Bahagian A(ii)****. Anda dikehendaki supaya menjawab* ***kedua-dua bahagian*** *tersebut.* ***Bahagian B*** *dan* ***Bahagian D*** *juga mesti dijawab. Manakala* ***Bahagian C*** *mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab* ***satu*** *soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab* ***Bahagian A****, 25 minit untuk* ***Bahagian B****, 45 minit untuk* ***Bahagian C*** *dan 10 minit untuk* ***Bahagian D****.*

Kertas soalan ini mengandungi **6** halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah
SULIT

02/2 © 2012 Hak Cipta MPSM Negeri Kedah Darul Aman

**Bahagian A(i) - Ringkasan**

[20 *markah*]

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang* **kesan pembudayaan disiplin dalam kalangan pelajar**. *Panjangnya ringkasan anda hendaklah* **tidak melebihi 80 patah perkataan**. *Anda digalakkan menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Disiplin merupakan perkara paling penting yang perlu ada pada setiap individu. Disiplin ialah latihan untuk mengawal diri sendiri. Secara lebih terperinci, disiplin merupakan kemahuan untuk mentaati atau menghormati peraturan sama ada dalam aspek keagamaan, etika sosial atau dalam sesebuah organisasi. Apabila seseorang yang berdisiplin melakukan kesalahan walaupun sedikit, dia tetap akan berasa bersalah dan menganggap bahawa diri sendiri yang *menjatuhkan harga dirinya*.

Dalam konteks sekolah, disiplin merupakan peraturan yang ditetapkan oleh pihak sekolah untuk memastikan para pelajar bertingkah laku baik dan mengamalkan nilai murni. Tujuannya adalah untuk menjamin kejayaan seseorang pelajar. Begitu juga dengan peraturan sekolah yang menetapkan supaya pelajar berpakaian kemas. Hal ini penting supaya pelajar kelihatan berkeperibadian tinggi dan berketerampilan. Selain itu, mereka akan mengadakan jadual belajar sendiri dan sanggup bekerja keras demi masa hadapan. Segala kerja sekolah yang diberikan akan diselesaikan tepat pada waktunya dan mereka sentiasa memotivasikan diri sendiri untuk mencapai keputusan terbaik.

Peraturan sekolah yang menetapkan para pelajar supaya datang ke sekolah tepat pada masanya bertujuan untuk melatih pelajar tentang aspek pengurusan masa. Pelajar yang dapat menepati masa biasanya akan menjadi pelajar yang baik kerana mereka tahu mengurus dan menghargai masa. Seandainya seseorang pelajar itu berdisiplin atau mengikut peraturan, hal ini menunjukkan bahawa sudah ada ciri-ciri kejayaan dalam dirinya. Pelajar yang berdisiplin dapat mengawal diri di dalam kelas dan menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pengajaran guru. Mereka juga tidak akan mudah terjebak dalam gejala negatif yang boleh menjejaskan tumpuan terhadap pembelajaran. Amalan ini kemudiannya akan menjadi kebiasaan dalam kehidupannya, iaitu bijak membahagikan masa untuk menelaah pelajaran dan menjalankan aktiviti lain.

Tegasnya, disiplin merupakan faktor terpenting untuk membolehkan seseorang pelajar berjaya dalam pelajaran. Tanpa disiplin tidak akan membawa pelajar ke mana-mana, malahan dalam apa-apa usaha sekalipun sekiranya disiplin tidak diamalkan adalah sukar untuk beroleh kejayaan. Seandainya pelajar dapat mendisiplinkan diri dengan melakukan sesuatu yang berfaedah demi mencapai matlamat, maka pelajar akan kagum dengan kejayaan yang akan dikecapi nanti. Pelajar bukan sahaja cemerlang dalam akademik, tetapi sekali gus cemerlang sahsiah diri.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana
'Pembudayaan Disiplin dalam Kalangan Pelajar',
Izani Hj. Daud, *Dewan Siswa*, Julai 2011)

**Bahagian A(ii) - Pemahaman**

[10 *markah*]

*Berdasarkan petikan* **Bahagian A(i)**, *jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat-ayat sendiri.*

1 Berikan maksud rangkai kata *menjatuhkan harga dirinya.* [2 *markah*]

2 Nyatakan tujuan pihak sekolah menetapkan disiplin sebagai peraturan yang perlu dipatuhi oleh setiap pelajar. [ 4 *markah*]

3 Pada pendapat anda, apakah yang akan terjadi kepada pelajar yang tidak berdisiplin? [4 *markah*]

**Bahagian B**

[ 20 *markah* ]

*Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang* **kepentingan hutan**. *Panjangnya huraian anda hendaklah* **tidak melebihi 120 patah perkataan**.



**Bahagian C**

[40 *markah*]

*Pilih* **satu** *daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya* **lebih daripada 180 patah perkataan**.

1 Pertandingan memancing telah diadakan di tempat anda. Anda dan rakan-rakan telah menyertai pertandingan tersebut.

Ceritakan pengalaman anda.

2 Kini, gejala vandalisme semakin membimbangkan.

Huraikan peranan masyarakat untuk membendung gejala ini.

**MAKLUMAT DI HUJUNG JARI**

3 Bincangkan kepentingan penggunaan internet pada masa kini.

4 Aktiviti kokurikulum wajib disertai oleh semua pelajar. Sebagai setiausaha persatuan, anda dikehendaki menulis satu laporan tentang aktiviti tahunan persatuan yang anda sertai.

Tuliskan laporan itu selengkapnya.

5 Peribahasa *'melentur buluh biarlah daripada rebungnya'* bermaksud melatih anak daripada kecil.

Tulis sebuah karangan berdasarkan peribahasa ini.

**Bahagian D**

[10 *markah*]

*Jawapan anda hendaklah berdasarkan* **satu** *daripada novel yang telah anda kaji sama ada di Tingkatan 1, Tingkatan 2 atau Tingkatan 3*

(i) **Sukar Membawa Tuah** karya M.Z.Erlysa
(ii) **Istana Menanti** karya Ab Latip Talib
(iii) **Bukan Duniaku** karya Aida Shahira
(iv) **Hikmah** karya Mohd Faris Ikhmal
(v) **Lestari Bukit Menghijau** karya Syed Mahdzir
(vi) **Di Sebalik Wajah** karya Abang Saifuddin Abang Bohari
(vii) **Wira Persona Avatari** karya Ahmad Zaki Abu Bakar
(viii) **Erti Sebuah Pengorbanan** karya Zaihanim Zainal Abidin
(ix) **6.20** karya Siti Jasmina Ibrahim
(x) **Cempaka Putih Untukmu** karya Rohani Deraman
(xi) **Merenang Gelora** karya Ruslan Ngah

Berdasarkan novel yang anda kaji, huraikan **tiga latar masyarakat** dan **contoh peristiwa** yang terdapat dalam novel tersebut.

**KERTAS SOALAN TAMAT**